



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 22 OGOS 2023**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	SMART SBB KURANG KEBERGANTUNGAN BERAS IMPORT, NEGARA, KOSMO -4 NEGARA BERISIKO KURANG BERAS JIKA INDIA, VIETNAM HENTI EKSPORT, DALAM NEGERI, UM -6 SMART SBB MINI SEKINCHAN BANTU ELAK KEBERGANTUNGAN BERAS IMPORT, UM -ONLINE KESEPAKATAN PETANI, AMALAN PERTANIAN BETUL MAMPU TINGKAT PENGELUARAN PADI, HM -ONLINE MENTERI SERU PESAWAH SERTA PROJEK SMART SAWAH BERSKALA BESAR, HARAPAN DAILY -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
6.	ASIA SMART FARMING & FOOD SECURITY 2023 GEARS UP TO TRANSFORM THE AGRICULTURE INDUSTRY, THE LEADERS -ONLINE	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
7.	43 ANGGOTA DVS SERTA KURSUS PEMANTAPAN JATI DIRI, UTUSAN BORNEO -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
8.	MAQIS RAMPAS SERBUK KEJU RM140,000, BH -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
9.	TIGA NELAYAN DISYAKI HILANG DITEMUI SELAMAT, PERAHU KEHABISAN MINYAK, BH -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
10. 11. 12. 13. 14. 15. 16.	REZEKI RAJA BUAH, DALAM NEGERI, UM -10 NENEK TETAP GIGIH PADA USIA 72 TAHUN, LOKAL, HM -20 DURIAN JELEBU TERIMA PERMINTAAN TINGGI, PERAIH TIDAK MENANG TANGAN, DALAM NEGERI, UM -30 KV PASIR PUTEH HASILKAN MELON EMAS GRED A, DALAM NEGERI, UM -31 TANAM SAYUR SELEPAS HILANG KERJA, NASIONAL, BH -19 TAKAFUL PERTANIAN BANTU PERKUKUH KETERJAMINAN MAKANAN, KOMENTAR, BH -11 GUNA IOT URUS LADANG SUPERFRUITS, GAYA TANI, UM -26	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Smart SBB kurang kebergantungan beras import

ARAU – Projek Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) Mini Sekinchan salah satu langkah jangka pendek dalam mengurangkan kebergantungan kepada beras import.

Menteri Pertanian dan Ke-terjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, projek itu mampu melonjakkan hasil pengeluaran padi tempatan sekurang-kurangnya lapan metrik tan sehektar, sekali gus meningkatkan sehingga 80 peratus keperluan tahap sara diri beras negara menjelang 2030.

"Projek ini dilaksanakan selama dua musim di Kampung Lat 1000, Perlis dan Kampung Tok Mengkula di Kedah di atas tanah seluas 172.97 hektar serta di Jerteh, Terengganu.

"Ada perancangan bagi me-mulakan projek ini di Kelantan dan beberapa kawasan Lemban-ga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Kedah sedikit masa lagi," katanya selepas menyem-purnakan penuaian padi Smart SBB Mini Sekinchan MADA di Kampung Lat 1000, Tambun Tulang di sini semalam.

Ujarnya, ini langkah segera dilakukan Kementerian bagi mengurangkan kebergantu-ngan kepada beras import dari beberapa negara, yang kini mencapai tahap 35 peratus.

Katanya, peningkatan hasil padi lebih tinggi jika pesawah mengikut jadual penanaman, meracun dan baja seperti di-gariskan dalam modul Smart SBB Mini Sekinchan.

MOHAMAD (tiga dari kiri) menunjukkan hasil tualan padi model Smart SBB Mini Sekinchan Mada di Kampung Lat 1000, Tambun Tulang, Arau semalam.

Negara berisiko kurang beras jika India, Vitenam henti eksport

ARAU: Apa nasib keterjaminan makanan negara sekiranya negara-negara seperti Vietnam, India atau beberapa negara lain memberhentikan eksport beras secara mengejut ke negara ini.

Kebimbangan tersebut di zahir Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu ketika berucap dalam program santai agro Madani pennaian padi Projek Smart Sawah Berkala Besar (Smart SBB) Mini Sekinchan Mada Kampung Lat 1,000 di sini, semalam yang membayangkan jika situasi berkenaan berlaku bakal memberi masalah besar kepada negara.

Kebergantungan import beras negara ketika ini adalah sebanyak 35 peratus dengan bekalan beras bagi menampung keperluan rakyat negara ini adalah 2.4 juta tan metrik setahun dengan anggaran seorang penduduk menggunakan 79 kilogram makanan ruji berkenaan dalam tempoh itu.

Mengikut data 2021, negara hanya menghasilkan 1.7 juta tan metrik beras setahun. Mengikut rekod pada 2022 pula, Malaysia terpaksa mengimport 1.11 juta tan metrik beras membabitkan dari negara seperti Vietnam, 37.2 peratus, Pakistan (36.99 peratus), Thailand (12.9 peratus) dan India 8.6 peratus atau se-



MOHAMAD Sabu menaiki mesin padi untuk proses pengambilan padi di Projek Smart Sawah Berkala Besar (Smart SBB) Mini Sekinchan Mada Kampung Lat 1,000, Arau, Perlis semalam. - UTUSAN/MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB

kan hasil padi melalui pendektan yang diambil seperti penanaman padi lima kali dalam tempoh dua tahun dan langkah segera seperti penanaman ala 'Sekinchan' diperluaskan di kawasan-kawasan lain dengan anggaran hasil perhektar antara tujuh sehingga 10 tan metrik.

"Kalau beransur-ansur (negara-negara terlibat) sekat eksport beras masih tidak mengapa, kalau mereka buat mengejut akan jadi masalah. Rakyat Malaysia rata-rata makan nasi.

"Kita cubalah setakat mana dan berusaha supaya India dan Vietnam tidak buat keputusan mengejut untuk menyekat eksport beras," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/8/2023	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Smart SBB Mini Sekinchan bantu elak kebergantungan beras import



MOHAMAD Sabu (dua dari kiri) membawa mesin tuaian padi sewaktu meninjau Projek Smart SBB Mini Sekinchan di Kampung Lat 1000, Tambun Tulang, Perlis hari ini. -

ARAU: Projek Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) Mini Sekinchan mampu melonjakkan peningkatan hasil padi ke tahap yang lebih baik dalam mengurangkan kebergantungan kepada import beras.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pelaksanaan projek itu dijangka dapat membantu dalam keterjaminan makanan negara memandangkan buat masa ini, Malaysia menerima eksport beras dari India, Vietnam, Thailand dan beberapa negara lain sebanyak 35 peratus.

Beliau berkata, buat masa ini, projek tersebut telah dilaksanakan di Kampung Lat 1000, Perlis, Jertih, Terengganu dan Kampung Tok Mengkula, Kedah.

“Di Kelantan pula projek ini masih dalam perbincangan dan saya berkeyakinan sekiranya pesawah sanggup ubah kaedah tanaman mengikut modul Smart SBB Mini Sekinchan maka bekalan beras negara pastinya akan mencukupi,” katanya sewaktu Program Santai Agro Madani Penuaian Padi Smart SBB Mini Sekinchan di Kampung Lat 1000, Tambung Tulang, di sini, hari ini.

Hadir sama, Pengerusi Lembaga Pertanian Muda (MADA), Datuk Dr Ismail Salleh: Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Datuk Mahfuz Omar dan Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Razali Saad.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, pelaksanaan projek itu dapat membantu dalam menambah hasil sebanyak sekurang-kurangnya lapan metrik tan bagi satu hektar sekali gus meningkatkan 80 peratus keperluan tahap sara diri (SSL) beras negara menjelang tahun 2030.

Beliau berkata, perancangan ini juga adalah selaras dengan komitmen kerajaan menerusi Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) dalam meningkatkan tahap pendapatan pengeluaran makanan dan SSL beras negara.

“Menerusi pelaksanaan ini, SSL beras negara dijangka dapat ditingkatkan dari 63 peratus kepada 75 peratus dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) dan 80 peratus menjelang tahun 2030.

“Malah projek Smart SBB Mini Sekinchan ini merupakan usaha segera dilaksanakan sebelum kerajaan melaksanakan projek pengairan MADA yang mana kosnya adalah hampir RM4 bilion,” katanya.

Sementara itu, Mohamad berkata, pihaknya sebelum ini juga telah mengeluarkan arahan awal agar mesin-mesin tuaian dapat ditukar kepada saiz yang lebih kecil dan ringan dalam mengatasi isu tumpahan padi yang menyebabkan kerugian kepada petani.

Katanya, aspek penjagaan tanaman dari peringkat awal adalah sangat penting malah isu tumpahan padi itu juga boleh membawa kepada pengurangan hasil sebanyak 30 peratus sekiranya tidak diatasi.

“Hari ini juga saya dapat lihat tumpahan padi itu berkurangan apabila kita menggunakan mesin tuai yang bersaiz lebih kecil dan dapat membantu meningkatkan hasil petani” katanya.-UTUSAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/8/2023	HARIAN METRO	ONLINE	

Kesepakatan petani, amalan pertanian betul mampu tingkat pengeluaran padi



Arau: Kesepakatan petani dan penggunaan amalan pertanian yang betul mampu meningkatkan pengeluaran padi dan beras negara pada masa akan datang, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu.

Beliau berkata kesepakatan dan amalan pertanian betul seperti Projek Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Mini Sekinchan MADA juga dapat mengurangkan kebergantungan negara terhadap beras import.

"Ini adalah satu daripada usaha awal kerajaan sebelum projek pengairan baharu Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) melibatkan prasarana bernilai RM3 bilion dilaksana bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran padi kepada lima musim dalam tempoh dua tahun," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Program Santai Agro Madani Penuaian Padi Projek Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Mini Sekinchan MADA Kampung Lat 1000 hari ini.

Turut hadir Pengerusi MADA Datuk Dr Ismail Salleh, Pengerusi Lembaga Pengurusan Pertubuhan Peladang Datuk Mahfuz Omar, Pengerusi Jemaah Pengarah NAFAS Datuk Zamri Yaakob dan Exco Pertanian dan Industri Asas Tani Razali Saad.

Mohamad berkata beliau dapat melihat sendiri bahawa projek tersebut berjaya membuahkan hasil apabila padi di kampung Lat 1000 mengeluarkan isi buah penuh dan berkualiti.

"Jika dilihat hasil padi paling tinggi di Malaysia adalah di Sekinchan apabila mereka memperoleh sehingga 12 tan hasil padi bagi setiap hektar dan di sini kita berjaya hasilkan kira-kira 10 tan bagi setiap hektar.

"Sekiranya setiap petani dapat hasilkan tujuh tan setiap hektar, saya yakin kita dapat mengurangkan kebergantungan kepada beras import pada masa akan datang," katanya.

Beliau berkata usaha segera perlu dilakukan bagi memastikan bekalan beras negara sentiasa mencukupi dan ini yang sedang dilakukan oleh kerajaan serta dalam masa yang sama dapat meningkatkan pendapatan petani.

Katanya beliau juga telah membuat arahan penggunaan mesin padi bersaiz lebih kecil dan ringan bagi mengelak berlaku tumpahan padi.

"Hari ini dapat lihat bahawa tumpahan padi amat kurang dan kita dapat selamatkan tumpahan sebanyak lapan peratus," katanya.

Projek SMART SBB Mini Sekinchan MADA di Kampung Lat 1000 membabitkan keluasan tanah 97.70 hektar dengan 28 peserta manakala 75.268 hektar membabitkan 51 peserta diusahakan di Kampung Tok Mengkula, Air Hitam, Kedah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/8/2023	HARAPAN DAILY	ONLINE	

Menteri seru pesawah sertai Projek Smart Sawah Berskala Besar

Pesawah di negara ini diseru menyertai Projek Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) Mini Sekinchan bagi membantu meningkatkan lagi hasil tanaman padi mereka.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, beliau bersyukur kerana program Smart SBB yang diluncurkannya sendiri pada 9 Mei lalu, kini membuahkan hasil.

“Hari ini saya bersama dengan pesawah melihat sendiri hasil tuaian padi di Kampung Lat 1000, Simpang Empat, Perlis.

“Alhamdulillah, saya amat berbangga kerana melalui program ini, pesawah telah berjaya mendapat hasil sehingga 10 tan metrik per hektar.



“Penggunaan jentuai padi yang lebih kecil juga dilihat banyak membantu mengurangkan keciciran padi ketika proses penuaian dijalankan sebentar tadi, selain mengurangkan risiko tanah jerlus,” katanya dalam satu hantaran di Facebook rasminya, hari ini.

Projek Smart SBB Mini Sekinchan MADA di Kampung Lat 1000 membabitkan keluasan tanah 97.70 hektar dengan 28 peserta manakala 75.268 hektar membabitkan 51 peserta diusahakan di Kampung Tok Mengkula, Air Hitam, Kedah.

Menurut Mohamad lagi, program pada hari ini adalah bukti kerja keras pihak kementeriannya untuk meningkatkan pengeluaran beras tempatan, seterusnya menjamin kecukupan bekalan beras di pasaran.

“Saya juga ingin menyeru kepada pesawah lain untuk turut serta dalam program ini bagi membantu meningkatkan lagi hasil tanaman padi mereka.

“Insya-Allah dengan kerjasama semua pihak, sekuriti makanan negara dapat dipertingkatkan kepada tahap yang lebih baik,” ujarnya lagi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/8/2023	THE LEADERS	ONLINE	

Asia Smart Farming & Food Security 2023 Gears Up to Transform the Agriculture Industry



21Aug, 2023by [Theleaders](#)

[Print this article](#)Font size [-16+](#)

KUALA LUMPUR, Aug 21— Food security has grown to be of utmost importance in a time of fast technological advancement and changing agricultural landscapes. The Asia Smart Farming & Food Security 2023 (ASF 2023) is timely to be organised to enable technology and innovations to meet current agricultural needs. ASF 2023 will be held from 3-5 October, 2023, at the

Malaysia International Trade and Exhibition Centre (MITEC), Kuala Lumpur.

The agriculture sector is still having low exposure of agriculture technology, especially in the implementation of IoT under IR4.0. ASF 2023 assures to provide the platform and avenue for agritech and farm owners to increase the availability of locally produced food products and create economic and social impact in terms of food affordability which is the key component of food security.

With the strong support of the Department of Agriculture (DOA), Ministry of Agriculture and Food Security Malaysia (MAFS) and a venue partnership with MITEC, this event is jointly organised by ABS Greentech Sdn Bhd and My Events International and coorganised with Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) is expected to revolutionise smart farming techniques throughout Asia. The event is expected to bring in a new era of innovation, collaboration, and sustainable growth in the agricultural industry under the motivational tagline "Making Farming Attractive Again."

The audience for Asia Smart Farming & Food Security 2023 extends beyond experts in the field. All those interested in influencing the course of agriculture are welcome, including associations, entrepreneurs and students. ASF 2023 envisions enhanced yields, higher quality crops, and farmers income.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/8/2023	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

43 anggota DVS sertai Kursus Pemantapan Jati Diri



SAMPAIKAN: Mohd Sieydzam (kiri) menyampaikan fail kursus kepada Yusrisyam (dua kiri) sebagai simbolik bermulanya kursus yang diadakan itu.

KOTA KINABALU: Seramai 43 anggota Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Sabah menyertai Kursus Pemantapan Jati Diri anjuran jabatan itu yang diadakan di salah sebuah resort dekat sini. Kursus yang berlangsung selama tiga hari bermula Isnin itu dikendalikan Akademi Minda

Malaysia (AMAL).

Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan/Pentadbiran Ibu Pejabat DVS Sabah, Yusrisyam Yusop berkata, objektif utama kursus itu diadakan adalah bagi menyuntik semangat para anggota DVS agar lebih yakin dalam melaksanakan tugas masing-masing.

Selain itu katanya, ia secara tidak langsung dapat memupuk budaya kerja berpasukan dalam jabatan itu sendiri sekaligus menyumbang kepada peningkatan kualiti perkhidmatan di jabatan berkenaan.

"Saya melahirkan harapan agar kursus yang diadakan ini dapat memberi suntikan semangat kepada anggota-anggota DVS dari seluruh daerah dan pada masa sama memberi keyakinan agar dapat meningkatkan budaya kerja.

"Oleh itu saya minta kepada para peserta supaya memanfaatkan peluang ini dengan sebaik mungkin daripada kursus yang diadakan agar terus cemerlang di jabatan masing-masing," katanya semasa berucap menyempurnakan Kursus Pemantapan Jati Diri anjuran DVS Sabah.



AMANAT: Yusrisyam menyampaikan ucapannya sebelum bermula Kursus Pemantapan Jati Diri DVS Sabah.

Dalam pada itu, Yusrisyam turut berharap peserta yang mengikuti kursus itu supaya berkongsi ilmu yang dikongsi kepada rakan sepejabat di daerah masing-masing agar dapat

mengangkat DVS ke tahap yang lebih baik.

"Saya harap kursus selama tiga hari ini bukan sahaja dapat menyuntik semangat anggota tetapi juga menjadi contoh kepada yang lain dalam jabatan DVS sendiri," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) AMAL, Mohd Sieydzam Mohd Syam berharap para peserta dapat menyesuaikan diri sebaik sahaja sesi suai kenal bermula bagi memastikan kursus yang diadakan berjalan dengan lancar.

Katanya, ia penting bagi memastikan semangat berpasukan dapat diterap dalam diri peserta agar objektif lain dapat dicapai sekaligus memberi manfaat kepada peserta terlibat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/8/2023	BERITA HARIAN	ONLINE	

MAQIS rampas serbuk keju RM140,000



Anggota penguat kuasa MAQIS Pulau Pinang menjalankan pemeriksaan ke atas serbuk keju dari Denmark bernilai lebih RM140,000 yang dibawa masuk tanpa permit import sah di Pintu Masuk Dermaga Air Dalam (DAD), Butterworth. - Foto ihsan MAQIS

BUTTERWORTH: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia

(MAQIS) Pulau Pinang merampas hampir lima tan serbuk keju bernilai lebih RM140,000 ketika menjalankan pemeriksaan di Pintu Masuk Dermaga Air Dalam (DAD), di sini.

[READ MORE](#)

Pengarah MAQIS negeri, Muhammad Ikram Abd Talib, berkata rampasan serbuk keju dari Denmark itu dilakukan selepas pemeriksaan mendapati konsainan terbabit tidak mempunyai permit import MAQIS yang sah.

Berikutan itu, katanya, serbuk keju seberat 4800 kilogram (kg) berkenaan ditahan bagi tindakan selanjutnya.



Anggota penguat kuasa MAQIS Pulau Pinang menjalankan pemeriksaan ke atas serbuk keju dari Denmark bernilai lebih RM140,000 yang dibawa masuk tanpa permit import sah di Pintu Masuk Dermaga Air Dalam (DAD), Butterworth. - Foto ihsan MAQIS

"Kegagalan untuk mengemukakan permit import menjadi suatu kesalahan di bawah

Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali di bawah Seksyen 11(3) akta yang sama," katanya.

Beliau berkata, pihaknya sentiasa komited melakukan pemeriksaan dan akan terus memantau semua pintu masuk negara bagi memastikan kawalan penyakit ikan, haiwan, tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan terpelihara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/8/2023	BERITA HARIAN	ONLINE	

Tiga nelayan disyaki hilang ditemui selamat, perahu kehabisan minyak



BACHOK: Tiga nelayan termasuk dua beranak yang dilaporkan hilang ketika memukat ikan ditemui selamat di Pantai Belawan, Takbai, Thailand.

Penemuan itu diperoleh hasil maklumat nelayan daerah Tumpat yang menghubungi pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan seterusnya memaklumkan kepada pihak Agensi Penguatkuasaan [Maritim](#) Malaysia

(Maritim Malaysia) sebagai anggota di Pangkalan Hadapan Carilamat (PHC).

Timbalan Pengarah Operasi Maritim Negeri Kelantan, Komander Maritim, Khairun Dalilah Baharin berkata, pihaknya menerima panggilan berhubung penemuan [mangsa](#) jam 2.32 petang tadi.

Katanya, mangsa, Rohaimi Ahmad, 47 dan anaknya, Nik Muhammad Syafiqullah, 21 dan rakan anaknya, Muhammad Amir Zulfikar Che Wil, 29 juga dalam keadaan selamat tanpa sebarang kecederaan.

Beliau berkata, menerusi maklumat awal, perahu sekuchi yang dinaiki mangsa dipercayai kehabisan minyak dan hanyut kira-kira 10 kilometer dari sempadan perairan negara.

"Kita hantar bot Perkasa 1233 ke sempadan dan kita mohon bantuan Polis Marin Takbai, untuk sahkan penemuan mangsa dan bantu iring bot ke sempadan dan kita akan iring ke Jeti Kuala Kemasin.

"Kelantan sekarang pun sedang berlaku perubahan monsun dan dianggarkan perahu mereka hanyut disebabkan keadaan cuaca yang tidak menentu," katanya dalam sidang media di Jeti Kuala Kemasin, di sini, hari ini.

Hadir sama, Ketua Polis Daerah Bachok, Superintendan Mohamad Ismail Jamaluddin.

Beliau berkata, keadaan perahu mangsa juga dilaporkan rosak dan akan ditunda Polis Marin Thailand sebelum akan disambung tunda Maritim Malaysia.

Semua mangsa dijangka tiba di jeti ini lewat petang nanti.

Sebelum ini media melaporkan tiga nelayan yang ke laut jam 3 pagi semalam, dipercayai hilang selepas tidak pulang ke daratan.

Keluarga mangsa membuat laporan polis selepas kali terakhir berjaya menghubungi salah seorang mereka jam 10.00 malam namun panggilan tidak dijawab.



Timbalan Pengarah Operasi Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Kelantan, Komander Maritim Khairun Dalilah Bahari (kanan) bersama Ketua Operasi APMM, Leftenan Maritim Ishak Rahmat meninjau lokasi tempat pencarian tiga nelayan yang dilaporkan hilang ditemui selamat di pantai Belawan, Takbai , Thailand ketika ditemui di Jeti Kuala

Kemasin. - Foto NIK ABDULLAH NIK OMAR

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/8/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10



Rezeki raja buah

SEJAK dua minggu lalu, seorang pekebun, Matjed Ismail, 39, tidak menang tangan menerima tempahan daripada peminat raja buah.

Katanya, setiap pagi dia akan menghabiskan masa kira-kira empat jam bermula pukul 7 pagi untuk mengutip durian luruh dari pokok di dusun yang terletak di puncak bukit dalam ketinggian 359 meter dari paras laut dan dia menjual durian

kampung sekitar RM50 lima hingga enam biji mengikut saiz.

■ MATJED Ismail, 39, memikul durian yang baru gugur dari hasil tanamannya untuk dijual kepada pelanggan di Kampung Sungai Serai, Marfang, Terengganu, kelmarin. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY

Nenek tetap gigih pada usia 72 tahun

Kuala Nerus: Walaupun menjangkau usia emas namun seorang nenek masih berupaya mendaki bukit yang curam untuk mengutip durian sebelum mengendarai hasil pertanian itu untuk dipasarkan.

Wan Minah Wan Dera-man, 72, dari Kampung Lingai, dekat sini berkata, seawal jam 7 pagi dia akan ke kebun setiap hari dan tibanya musim durian menjadikan rutin harinya semakin sibuk.

Menurutnya, jarak untuk naik dan turun dari bukit sejauh tiga kilometer (km) dan rutin itu dilakukan lima kali sehari dengan anggaran lebih 15 km sehari.

Katanya, hasil durian yang dikumpul dijual di baharu jalan di kampung itu dan tempoh durian berbuah boleh menjangkau sehingga tiga bulan semusim.

"Alhamdulillah, walaupun sudah menjangkau usia emas namun saya masih mampu untuk mendaki bukit yang curam untuk

kebum seluas satu hektar menjadi pekerjaan hakiki saya sejak muda," katanya. Jirannya, Rohaidah Jusoh, 57, pula berkata, dia mengayuh basikal pergi dan balik sejauh lapan kilometer dari rumah ke kebun.

"Sebaik tiba di kebun, saya perlu meredah anak sungai sebelum mengutip durian dan membungkusnya dengan kain batik serta dijunjung meredah anak sungai.

"Selepas itu buah berkenaan akan dikandar pula untuk dibawa keluar dari kebun dan diletakkan di atas basikal untuk dibawa pulang sebelum dijual," katanya.

Menurutnya, rutin pergi dan balik itu biasanya dilakukan sebanyak tiga kali sehari dan jarak yang perlu dilalui melebihi 25 kilometer sehari.

Katanya, pengalaman memungut durian menggunakan basikal sejak berusia 17 tahun memberikan kekuatan kepadanya untuk melakukan kerja bermusim itu.



WAN Minah mengendarai durian yang dipungut dari kebunnya di Kampung Lingai.

- Gambar NSTP/GHAZALI KORI

dibawa keluar ke lokasi jual," katanya yang mempunyai tiga cahaya mata dan tujuh orang cucu. Wan Minah berkata, dia melakukan aktiviti memanjat bukit untuk memungut durian apabila tiba musimnya sejak berusia 20 tahun dan pengalaman lebih 50 tahun

memanjat bukit memberi stamina buatnya untuk meneruskan pekerjaan itu. "Saya ke bukit setiap hari dan rutin membersihkan

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/8/2023	HARIAN METRO	DALAM NEGERI	30

Durian Jelebu terima permintaan tinggi, peraih tidak menang tangan

Oleh ZAKKINA WATI
AHMAD TARMIZI
utusannews@mediamula.com.my

JELU: Golongan peraih durian di daerah ini mula tidak menang tangan menerima permintaan daripada penjual dan pemborong sejak raja buah itu mula luruh dua minggu lalu.

Seorang peraih durian, Mohd. Norhan Sheik, 33, berkata, dia mula menerima tempahan melebihi satu tan durian sehari itu daripada pelanggan dan pemborong untuk pasaran di ibu ne-

gara. "Sejak dua minggu lalu, saya tidak menang tangan menerima tempahan pelanggan di tiga lokasi iaitu di sekitar Kuala Lumpur, Hulu Langat dan Gombak.

"Bagi tempoh sekarang, sekitar daerah ini terutama di kawasan Kampung Chennah mula mengeluarkan durian seperti durian kampung, Tekka, durian kahwin, IOI, D24 dan Musang King," katanya kepada *Utusan*



MOHD. NORHAN SHEIK (KANAN) BERSAMA PEKERJANYA MENGANGKAPKAN BUAH DURIAN MENGIKUT GRED SEBELUM DIHANTAR KEPADA PENJUAL DAN PEMBORONG DURIAN. - UTUSAN/ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI

Malaysia di Kampung Chennah di sini. Jelas Mohd. Norhan, dia mempunyai seramai tujuh orang pekerja yang membantunya meraih durian dan masing-masing boleh mendapat sehingga RM200 sehari ketika ini. "Sekarang ramai mula men-

cari durian kerana harga borong mulai murah. Jika sebelum ini RM8 hingga RM12 sekilogram namun kini mampu mencecah RM5 sekilogram (harga borong).

"Harga borong durian kampung bermula RM4.50 hingga RM5 sekilogram, D24 (RM12); Tekka (RM17-RM21), IOI (RM15-RM19) manakala Musang King pula harga masih tidak menurun," katanya yang sudah 15 tahun menjadi peraih durian.

Sementara itu bekas Ketua Kampung Chennah, Rosmadi Arif berkata, musim durian masih berterusan di beberapa kawasan di daerah ini sejak Februari lalu.

"Buah agak banyak dan peraih mula ramai dan harga semakin turun.

"Peraih durian tidak sama seperti peniaga lain kerana untung atau rugi pekebun tidak ambil tahu. Apa yang penting buah mereka boleh dipasarkan kerana durian akan luruh agak banyak dalam masa 14 hari ini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/8/2023	HARIAN METRO	DALAM NEGERI	31

KV Pasir Puteh hasilkan melon emas gred A

PASIR PUTEH: Penuntut Program Agroindustri Tanaman di Kolej Vokasional (KV) Pasir Puteh di sini berjaya menghasilkan buah melon emas atau *golden melon* gred A menggunakan sistem fertigasi dalam rumah hijau.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarahnya, Mat Ali Ismail berkata, kaedah tersebut bukan sahaja mengeluarkan hasil yang berkualiti malah buah itu lebih manis.

"Kita yakin dan percaya jika 30 penuntut yang menggunakan tanaman ini mengikut segala langkah-langkah dengan betul, mereka mampu menjadi petani berjaya selepas menamatkan pengajian peringkat diploma nanti.

"Selain tanaman melon, penuntut turut didedahkan dengan ilmu ruminan dalam penernakan lembu, kambing dan ayam yang merupakan salah



MUHAMMAD Haikal Ikmal Mohd. Hairi (belakang, kiri) bersama rakan-rakannya yang mengusahakan golden melon di Kolej Vokasional Pasir Puteh, Kelantan. - UTUSAN/TOREK SULONG

mui di sini semalam.

Sementara itu ketua projek berkenaan, Muhammad Haikal Ikmal Mohd. Hairi, 18, berkata, penanaman melon emas itu mengambil masa selama 65 hari sebelum hasil dapat dituai.

Katanya, harga pasaran buah itu boleh mencecah antara RM12 hingga RM15 sekilogram dengan brik kemanisan yang tinggi serta rangup berbanding melon jenis biasa.

"Ia berpotensi dipasarkan ke hotel-hotel serta pasar awam kerana terdapat ramai penggemar peningkatan aroma dan keunikan rasa buahnya yang tersendiri.

"Di kolej ini kami hanya menanam 420 pokok dalam tiga rumah hijau dan kalis serangga. Setiap pokok menghasilkan sebiji buah dengan matang berat 1.5 kilogram. Diusahakan secara organik tanpa penggunaan racun dan bahan kimia," katanya.

satu pertanian komersial yang mampu menjana pendapatan lumayan jika diusahakan sebagai 'mungkin,' katanya ketika dite-

Tanam sayur selepas hilang kerja

Hasil diperoleh Azlin mampu saingi pendapatan ketika bekerja di pelantar minyak

Oleh Muhammad Zulsyamini
Sufian Suri
bhnews@bh.com.my

Gerik: Hilang pekerjaan sebagai juruteknik dalam bidang minyak dan gas di pelantar susulan pandemik COVID-19 pada 2020, tidak memalukan semangat Mohamad Azlin Md Nor untuk bangkit mengusahakan tanaman sayuran termasuk secara fertigasi di kampung halaman.

Mengusahakan tanaman sayuran seperti terung, timun, peria, cili dan bendi di beberapa kebun seluas keseluruhan hampir 4 hektar di atas tanah milik sendiri serta peninggalan keluarga, Mohamad Azlin, 48, yang juga bapa kepada lima anak itu, berkata pendapatannya kini mampu menyaingi apa yang diperoleh ketika bekerja di pelantar minyak.

Beliau berkata, bagi semusim tanaman dianggarkan untuk tempoh enam bulan, kebunnya dengan dibantu tujuh pekerja yang rata-ratanya golongan asnaf dan ibu tunggal mampu menghasilkan 12 tan metrik terung, timun (12 tan), peria (4 tan), cili (6 tan), serta bendi (3 tan).

Katanya, pandemik pada 2020, menyebabkan dia sekeluarga pulang ke kampungnya di Kampung Batu Hampar, Gerik, akibat kekurangan tawaran kerja yang bergantungan kepada kontrak ditawarkan syarikat pengendali pelantar minyak di Marang.

Menurutnya, kehidupannya selepas tidak lagi bekerja dalam industri minyak serta gas membuatkan dia lebih tenang apabila sebagai petani, dia boleh menguruskan masa sendiri selain dapat meluangkan lebih banyak masa bersama keluarga.

"Sepanjang tempoh bekerja di pelantar sejak 2005, saya sekeluarga menetap di Kuala Lumpur dan saya diberikan cuti dua minggu selepas perlu bekerja selama empat minggu di laut (pelantar). Namun ketiadaan kerja ketika pandemik bermula, menyebabkan saya terpaksa kembali ke kampung halaman.

"Ketika berada di kampung, saya mengusahakan tanaman sayur di atas tanah sendiri bermula dengan keluasan kira-kira 2 hektar, berbekalkan pengalaman sewaktu kecil menolong bapa yang juga seorang petani, selain kursus berkaitan tanaman fertigasi anjuran Jabatan Pertanian.

"Walaupun masih baharu, namun saya melakukannya secara bersungguh dan serius, sebelum saya memperbesar lagi penghasilan tanaman apabila turut mengusahakan juga tanah peninggalan orang tua seluas kira-kira tiga hektar yang sudah terbiar lama," katanya.

Mohamad Azlin berkata, men-

2030 PERAK SEJAHTERA

jadi usahawan tani di bawah program Ladang Kontrak MAFI (Kementerian Pertanian dan Industri Makanan) kendalian Lembaga Pemayaran Pertanian Persekutuan (FAMA), selain bantuan serta bimbingan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC) banyak membantunya memperluaskan penghasilan kebun.

Pinjaman SADC RM50,000

Katanya, pinjaman usahawan tani Perak SADC RM50,000 disilahkan sangat membantu kerana menawarkan pinjaman tanpa faedah dan ia dimanfaatkan sepenuhnya bagi memperbesar tanaman serta sistem pengairan fertigasi daripada hanya kira-kira 1,000 polibeg, menjadi hampir 10,000 polibeg ketika ini.

"RM50,000 itu keseluruhannya saya gunakan untuk membeli polibeg dan sistem pengairan berkaitan mini traktor. Bagaimanapun ada juga kebun yang saya usahakan menggunakan kaedah konvensional yang memerlukan penggunaan mini traktor.

"Mini traktor berharga RM20,000 itu saya peroleh melalui bantuan Pihak Berkuasa Komajuan Pekebun Kecil Perusahaan Ge-



Mohamad Azlin menunjukkan hasil cili yang ditanamnya. (Foto FAMA)

ta (RISDA) yang saya gunakan untuk projek tanaman menggunakan kaedah konvensional," katanya yang aktif dalam Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Gerik.

Beliau turut menitikkan pesanan agar generasi muda menaruh minat terhadap pertanian yang diwariskan oleh nenek moyang. Beliau berkata, terutamanya apabila agenda keterjaminan atau sekuriti makanan menjadi antara agenda utama negara ke-

tika ini termasuk di bawah agenda Perak Sejahtera 2030 cetusan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad.

"Walaupun 1,000 polibeg tanaman fertigasi, ia mampu menghasilkan pendapatan kasar kira-kira RM6,000 sebulan, berbanding dengan sebilangan kerja makan gaji terutamanya pada paras gaji minimum RM1,500 sebulan yang mana perlu meluangkan masa tetap sebulan untuk bekerja," katanya.

22/8/2023

BERITA

11

KOMENTAR

HARIAN

Takaful pertanian bantu perkukuh keterjaminan makanan

Oleh Dr Syahnaz Sulaiman

bhrencana@bh.com.my



Timbalan Pengarah Pusat Wakaf & Zakat (PWZ) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Pertanian sudah tentu menjadi sektor amat penting diberikan perhatian kerajaan sejak merdeka hingga kini dalam menjamin kecukupan bekalan makanan terutama padi dan beras, bahkan turut diketakkan sebagai fokus utama Ekonomi MADANI, iaitu ciri kelapangan dalam menalakkan siling ekonomi negara.

Tahun ini sektor pertanian menyumbang 1 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNGK) bernilai RM24.7 juta pada suku pertama dengan dipacu sektor kelapa sawit berikutan peningkatan harga sawit dunia.

Bagaimanapun, perlu diingat sumbangan sektor pertanian terhadap KDNGK menurun ketara berbanding 2020 dengan sumbangan 7.4 peratus, manakala sumbangan agromakanan adalah 3.6 peratus dengan sasaran peningkatan pada 3.8 peratus tahun ini.

Hakikatnya, sektor agromakanan negara termasuk padi dan beras sering berdepan pelbagai risiko, terutama ancaman perubahan iklim dunia. Hujan lebat dan banjir juga menjadi cabaran utama petani, selain kemarau, serangan penyakit serta serangga perosak.

Pada akhir tahun lalu, lebih RM90 juta kerugian direkodkan bagi sektor agromakanan negara merangkumi pertanian, perikanan dan penternakan akibat banjir luar jangka.

Pelbagai inisiatif termasuk suntikan subsidi tinggi kerajaan diberi untuk meningkatkan pengeluaran padi dan beras, namun hasilnya kurang memberangsangkan. Malaysia menduduki tangga keempat berbanding pengeluaran beras di Asia Tenggara seperti Vietnam, Filipina dan Indonesia.

Berbanding negara di rantau ini, Malaysia agak ketinggalan kerana tiada insurans atau takaful bagi mengurangkan beban risiko kerugian berkaitan pertanian. Kerajaan juga terpaksa menanggung kos lebih RM80 juta untuk memberi bantuan serta dana kepada petani padi apabila sawah menghadapi bencana alam dan penyakit.

Wujudkan model takaful pertanian

Sehingga kini belum ada satu model insurans atau takaful pertanian di negara ini. Sebagai peneraju sistem kewangan Islam global, sektor pertanian wajar menjadi antara tujuhan industri kewangan Islam, terutama takaful dalam menyediakan pelan takaful pertanian pertama selaras maqasid syariah.

Takaful adalah konsep saling bekerjasama dalam memberi jaminan perlindungan terhadap sebarang kemudaratan dalam masyarakat, manakala taawun bermaksud saling membantu sebagai sebahagian refleksi konsep takaful itu sendiri.

Hingga kini, industri takaful berperanan penting

dalam menyediakan perlindungan patuh syariah kepada peserta daripada pelbagai bentuk malapetaka dan kerugian sama ada terhadap harta benda seperti kenderaan dan rumah atau perlindungan kemalangan diri serta kesihatan.

Bagaimanapun, risiko berkaitan pertanian belum dilindungi mana-mana skim insurans atau takaful. Bagi menyahut cabaran ini, pengenalan pelan takaful pertanian berdaya tahan dan mampan menjadi keperluan mendesak bagi mendepani cabaran perubahan iklim serta melindungi pendapatan petani.

Inovasi model takaful taawuni agro diintegrasikan dengan instrumen pendanaan sosial Islam seperti zakat, wakaf dan infak wajar diteroka. Sini secara tidak langsung berupaya mengurangkan kebergantungannya sntikan dana kerajaan dalam sektor pertanian.

Ini bertepatan Teras 2 Pelan Induk Sektor Kewangan 2022-2026, Bank Negara bagi meningkatkan kesejahteraan isi rumah, terutama pesawah ke arah membina daya tahan kewangan inklusif, selain mengeluarkan mereka daripada kancas kemiskinan akibat peningkatan kos sara hidup.

Model ini amat relevan dan bertepatan dengan Ekonomi MADANI diumumkan Perdana Menteri baru-baru ini ke arah memperkasa pendapatan rakyat terutama pesawah dan meningkatkan keterjaminan makanan negara.

Antara langkah proaktif digariskan menerusi kerangka Ekonomi MADANI bagi meningkatkan keterjaminan makanan adalah penggunaan teknologi agro bagi menambah baik produktiviti, penguasaan perijinan perdagangan bebas bersifat menang-menang serta mengoptimalkan penggunaan tanah terbiar. Justeru, Malaysia berpotensi memposisikan kedudukan agar lebih kompetitif sebagai pengeluar makanan dunia dan pertanian sebagai antara jentera pertumbuhan ekonomi negara.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/8/2023	UTUSAN MALAYSIA	GAYA TANI	26

Guna IoT urus ladang superfruits

Oleh ASYRAF MUHAMMAD
utusannews@medianulla.com.my

TANAMAN *superfruits* kian berkembang berikutan permintaan tinggi terhadap buah-buahan berkenaan dalam kalangan masyarakat.

Situasi berkenaan mendorong pengusaha pertanian meneroka bidang tanaman buah-buahan yang membekalkan nutrisi tinggi dan memberi banyak manfaat kepada kesihatan manusia.

Petani, Robin Lim, 50, antara usahawan yang mengusahakan Ladang Superfruits Valley di Chuping, Perlis, sejak 2016.

Ladang seluas 25 hektar itu ditanam dengan lebih 150,000 pokok *superfruits*, antaranya mulberi, tin, gac, markisa, finger lime dan lemon.

Katanya, buah-buah berkenaan turut dipasarkan ke sekitar Lembah Klang bagi memenuhi permintaan pengguna di sana.

"Buah-buahan dari ladang ini akan dijual ke beberapa tempat seperti pasar raya dan restoran sekitar Lembah Klang, malah permintaannya semakin tinggi setiap tahun," katanya.

Tambah anak kelahiran Kedah itu, purata hasil tanaman *superfruits* yang dipasarkan dari ladang berkenaan adalah antara enam hingga lapan tan metrik setiap bulan.

"Lokasi tapak ladang, termasuk cuaca sekitar kawasan Chuping, ini amat bersesuaian untuk



ROBIN Lim memeriksa tanaman yang diusahakannya bagi memastikan hasil yang berkualiti sebelum dipasarkan. - UTUSAN/ASYRAF MUHAMMAD



BUAH gac.

tumbesaran *superfruits*.

"Kawasan ini memiliki suhu panas pada waktu siang dan sejuk di sebelah malam. Ia amat mempengaruhi dalam penghasilan buah berkualiti, dengan rasa yang lebih manis berbanding kebiasaan," katanya.

INFO:

- Ladang Superfruits Valley berkeluasan 25 hektar terletak di kawasan Lembah Chuping, Padang Besar.
- Beroperasi sejak 2016, antara yang ditanam ialah mulberi, tin, gac, markisa, finger lime dan lemon.
- Purata hasil tanaman antara enam hingga lapan tan metrik sebulan.
- Ladang ini menggunakan teknologi era internet kebendaan (IoT) bagi menguruskan tanaman secara lebih teratur.



TEKNOLOGI era internet kebendaan (IoT) diaplikasikan bagi menguruskan tanaman secara lebih teratur.

Penjagaan aspek mencabar

PROSES penjagaan tanaman *superfruits* agak mencabar dan memerlukan perhatian sebaiknya bagi menghasilkan buah berkualiti.

Berikutan itu, Robin mengambil pendekatan dengan menggunakan teknologi era internet kebendaan (IoT) bagi menguruskan tanaman berkenaan secara lebih teratur.

"Ladang ini tidak mempunyai ramai pekerja kerana kami mengaplikasikan penggunaan sistem bagi membantu tugas seperti penyiraman dan sebagainya mengikut jadual.

"Dengan sistem ini, kita juga mempunyai pangkalan data bagi melakukan kajian terhadap tanaman-

tanaman berkenaan," katanya.

Selain mengusahakan tanaman, Robin aktif melakukan inovasi produk makanan dan minuman berasaskan *superfruits* yang turut dipasarkan di ladang berkenaan.

Untuk tahun lalu, ladang berkenaan menerima lebih 200,000 pengunjung yang ingin melihat secara dekat tanaman yang ada di ladang *superfruits* terbesar di Malaysia itu.

Katanya, ladang berkenaan juga merupakan antara destinasi agro-pelancongan yang menarik untuk dikunjungi di Perlis.

"Kami turut menerima kunjungan delegasi luar yang berminat mengetahui tentang kaedah penanaman di ladang ini," katanya.

CUACA panas di Perlis amat bersesuaian bagi tanaman *superfruits* dan dapat mengeluarkan hasil yang lebih berkualiti.

